

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

“

KERATAN AKHBAR KESUMA”

SELASA
1 OKTOBER 2024



AI impak 16% peranan kerja

Sektor kewangan bakal terkesan dengan revolusi kecerdasan buatan dari segi anjakan, penumpuan

Oleh Mohammad Khairil Ashraf Mohd Khalid
khairil@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Sebanyak 16 peratus daripada 97 peranan kerja di sektor kewangan akan menerima impak disebabkan revolusi dalam kecerdasan buatan (AI) sama ada dari segi anjakan atau penumpuan.

Menteri Sumber Manusia Steven Sim Chee Keong berkata, antara sektor yang terbahit adalah seperti pegawai perkhidmatan pelanggan, penasihat pelaburan, ejen jualan langsung, pegawai jualan produk, pengurus perhubungan dan pengurus pembangunan perniagaan.

Katanya, perkara itu terkandung dalam laporan sektor kewangan yang dilancarkan bersama Gabenor Bank Negara

Pekerjaan baharu muncul dalam sektor kewangan menerusi revolusi AI

pada Julai 2024.

"Terdapat juga pekerjaan baru akan muncul dalam sektor kewangan seperti pakar pembelajaran mesin, arkitek integrasi, jurutera simpanan perisian dan lain-lain," katanya.

Beliau berkata demikian semasa berucap di National Human Capital Conference & Exhibition (NHCCE) 2024 di Pusat Pameran dan Perdagangan Antarabangsa Malaysia (Mitec) di sini, semalam.

Hadir sama Timbalan Menteri Sumber Manusia Datuk Seri Abdul Rahman Mohamad; Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Manusia (Kesuma) Datuk Azman Mohd Yusof; Pengerusi Lembaga Pengarah HRD Corp Datuk Abu Huraira Abu Yazid dan Ketua Pegawai Eksekutif HRD Corp Datuk Shahul Hamid Shaik Dawood.

Mengulas lanjut katanya, laporan yang dilancarkan itu

juga adalah berdasarkan kepada data dan ia bukan sahaja melalui penyelidikan teori, tetapi turut membabitkan perbincangan kumpulan fokus bersama pemimpin industri semasa.


Katanya, pihaknya akan mengeluarkan laporan impak revolusi AI dalam masa terdekat.

Menurutnya, berdasarkan laporan, Kesuma akan turut merangka satu dasar kemahiran berdasarkan strategi latihan.

Dalam perkembangan lain selepas program, Steven dilihat mengunci mulut berhubung status terkini berkait penguasaan tertinggi Program Latihan HRD Corp.

Malah, kehadiran Shahul semasa program NHCCE 2024 turut menjadi tanda tanya sama ada siasatan berkaitan kes itu sudah selesai atau tidak.

Shahul sebelum ini menawarkan untuk bercuti bagi memberi ruang kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM) menyasat berkaitan kes berkenaan.



LAPORAN mengenai impak revolusi AI akan dikeluarkan dalam masa terdekat.

Agensi KESUMA adaptasi AI

Mudahkan proses kelulusan, tuntutan

Oleh **DIANA AZIS**
KUALA LUMPUR

Human Resource Development Corporation (HRD Corp) mengintegrasikan kecerdasan buatan (AI) dalam proses permohonan geran yang secara drastik mengurangkan masa kelulusan kepada kurang sehari.

Menteri Sumber Manusia, Steven Sim Chee Keong berkata, agensi tersebut mengadaptasi teknologi terkini berkenaan sebagai komponen utama dalam proses tersebut bermula dari imbasan, pembacaan dan menganalisis dokumen.

Langkah itu menurutnya bagi memastikan pematuhan hingga penghasilan 'output' untuk mempercepatkan pembuatan keputusan.

"Penggunaan AI telah berjaya mengurangkan proses kelulusan geran selama tujuh hari kepada kurang daripada sehari," katanya ketika berucap merasmikan Pameran dan Persidangan Modal Insan Kebangsaan 2024 (NHCCCE 2024), pada Isnin.

Persidangan anjuran HRD Corp itu berlangsung di Pusat Perdagangan dan Pameran Antarabangsa Malaysia (MITEC) selama tiga hari sehingga 2 Oktober depan.

NHCCCE 2024 yang sebelum ini dikenali sebagai Persidangan dan Pameran HRDF menjadi platform perbincangan penyelesaian isu berkaitan cabaran di tempat kerja dengan membawa tema 'Menginsankan AI untuk tenaga kerja masa depan.'

Dalam pada itu beliau memaklumkan, Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) juga sedang menggunakan teknologi berkenaan dalam projek rintis untuk mengurangkan masa mengeluarkan surat jaminan (GL) kepada pencari yang memerlukan rawatan di hospital supaya boleh menerima rawatan perubatan percuma.

Steven Sim berkata, kebiasaannya agensi tersebut memerlukan masa sehingga tiga hari untuk mengeluarkan



Steven Sim (tiga dari kiri) bersama timbalannya, Datuk Seri Abdul Rahman Mohamad (dua dari kiri) merasmikan NHCCCE 2024 yang diadakan di MITEC pada Isnin.



“Kecerdasan buatan sedang mengubah dunia tetapi masa depan kewartawanan tidak didorong oleh teknologi tetapi kerjasama bersama manusia.”

— Mehdi Reza

surat berkenaan, namun dengan menggunakan AI, proses tersebut boleh dikurangkan kepada satu jam.

Badan pemikir Talent Corp

Dalam pada itu Steven Sim menjelaskan, Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) telah menubuhkan sebuah badan pemikir pada Mac menerusi Talent Corp yang berperanan menyediakan laporan impak terhadap pasaran pekerjaan di Malaysia.

Beliau berkata, laporan berkaitan 10 sektor ekonomi strategik telah dibentangkan antaranya teknologi maklumat dan komunikasi; perkhidmatan dan pembuatan makanan; pembuatan farmaseutikal; aeroangkasa serta elektrik dan elektronik.

Selain itu turut disediakan laporan perdagangan borong dan runcit; bahan kimia; peralatan perubatan; tenaga dan kuasa serta perkhidmatan perniagaan global.

"Kesemua 10 sektor ini merangkumi kira-kira 4.5 juta pekerjaan yang mewakili kira-kira 80 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara ini.

"Laporan ini akan memberitahu perkara yang akan berlaku kepada pekerjaan dalam sektor-sektor terlibat dalam tempoh tiga hingga lima tahun akan datang," jelasnya.

Selain itu menurutnya, golongan pelajar turut mendapat manfaat dengan membuat jangkakan awal mengenai pasaran pekerjaan agar boleh mempersiapkan diri sewajarnya.

"Peta masa depan pekerjaan seperti ini akan memberi gambaran tentang situasi akan datang supaya dapat merangka strategik lebih baik untuk menangani masa depan.

"Oleh itu bagi KESUMA, penting untuk mempersiapkan modal insan dalam memenuhi era AI dan Malaysia juga berhasrat untuk menjadi hab modal insan AI di rantau ini," ujarnya.

Perkongsian penceramah

Sementara itu wartawan terkemuka, Mehdi Reza Hasan mengakui teknologi AI kini sedang menguasai terutama industri media dengan mencipta kandungan seperti teks, imej, video dan sebagainya.

Beliau yang hadir sebagai penceramah di pentas NHCCCE 2024 berkata, teknologi tersebut menggunakan model bahasa besar (LLM) yang membolehkan ia memberi respons jelas dan dipercayai terhadap soalan, pertanyaan atau arahan manusia.

"Perkara tersebut akan dibincangkan di pentas ini yang turut melibatkan dominasi perbualan.

"Tidak dapat dinafikan alat generatif AI seperti ChatGPT dan imej yang dijana oleh DALL-E berpotensi untuk mengubah cara kerja, pekerjaan dan nilai modal insan.

"Namun kewartawanan dan wartawan sentiasa menyesuaikan diri dengan teknologi baharu, berkembang dalam cara pengunaannya untuk menjalankan tugas termasuk mencipta pekerjaan baharu," katanya ketika menyampaikan ucapan pada pentas NHCCCE 2024.

Dalam pada itu beliau yang merupakan wartawan terkemuka berpandangan, masa depan bidang kewartawanan terletak pada kerjasama manusia dan teknologi AI.

Mehdi menegaskan, teknologi berkenaan tidak seharusnya dilihat sebagai cara untuk menggantikan modal insan tetapi melengkap serta meningkatkan keupayaannya.

"Kecerdasan buatan sedang mengubah dunia tetapi masa depan kewartawanan tidak didorong oleh teknologi tetapi kerjasama bersama manusia.

"Oleh itu saya melihat masa depan kewartawanan tidak didorong oleh mesin (teknologi) tetapi didorong oleh manusia, disokong oleh mesin.

"Tidak dinafikan terdapat banyak bahaya, perangkap dan risiko jika tersilap langkah, namun jika mampu menguasainya, AI boleh menjadikan kewartawanan lebih pintar, pantas dan lebih responsif terhadap keperluan masyarakat," ujarnya.



Steven Sim melawat reruai pameran pada NHCCCE 2024 yang diadakan di MITEC pada Isnin.



Steven Sim (depan, tengah) bersama tamu dan peserta yang hadir pada NHCCCE 2024.

TELUS & TULUS • MATA DAN TELINGA RAKYAT • PEMACU PERUBAHAN

TELUS & TULUS
Sinar
Harian

NASIONAL 13

SELASA 1 OKTOBER 2024 • SINAR HARIAN

Kerajaan hargai 15 wira negara WSC Lyon

TVET adalah kompeten, berkualiti dan berkemahiran tinggi

Oleh **IZWAN ROZLIN**
KUALA LUMPUR

Seramai 15 peserta WorldSkills Competiton (WSC) Lyon 2024 diraikan pada Majlis Penghargaan Wira Negara WorldSkills Competiton (WSC) Lyon di Malaysia International Trade and Exhibition Centre (MITEC) di sini pada Isnin.

Menteri Sumber Manusia, Steven Sim Chee Keong mengucapkan tahniah kepada para peserta pertandingan kemahiran seperti itu yang mampu mempromosikan kecemerlangan tenaga mahir negara di peringkat antarabangsa.

Menurutnya, ia sekali gus membuktikan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) negara adalah kompeten, berkualiti dan berkemahiran tinggi.

"Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada wira dan wirawati serta seluruh kontinjen negara yang telah mengibarkan Jalur Gemilang di WorldSkills Competiton Lyon 2024 yang diadakan di Eurexpo Lyon, Perancis bermula 10 hingga 15 September lalu," katanya ketika berucap pada majlis itu.

Jelasnya, pertandingan kali ini disertai oleh 1,400 peserta dalam kalangan belia berkemahiran dari 69 negara dan wilayah seluruh dunia yang bertanding dalam 62 bidang kemahiran.

"Kejayaan para belia mahir negara di peringkat dunia adalah hasil pengorbanan dan komitmen banyak pihak termasuk ibu bapa dan jurulatih."

"Tidak lupa juga kepada pakar negara yang telah merancang dan melaksanakan program latihan persediaan peserta secara intensif dengan kerjasama pelbagai pihak," katanya.



Steven Sim (dua dari kiri) menyampaikan replika cek kepada Wong Hsun Wei (empat dari kiri) pada Majlis Penghargaan Wira Negara World Skills Competition (WSC) Lyon 2024.



Kejayaan para belia mahir negara di peringkat dunia adalah hasil pengorbanan dan komitmen banyak pihak termasuk ibu bapa dan jurulatih.

- Steven Sim

Tambahnya, rakan strategik yang memberi sumbangan dan kepakaran kepada peserta menjalani latihan industri seperti Fanuc Mechatronics (M) Sdn Bhd, Tractor Malaysia, Proton

Holding dan Le Meridien Hotel Kuala Lumpur.

"Kejayaan di peringkat dunia bukanlah sesuatu yang mudah untuk dicapai kerana ia memerlukan perancangan dan strategi sangat rapi.

"Para peserta yang mewakili negara di WSC Lyon terpilih dalam kalangan peserta yang cemerlang pada peringkat kebangsaan dan serantau iaitu Pertandingan WorldSkills Malaysia Belia (WSMB) 2023, WorldSkills Asean Singapore 2023 dan WorldSkills Asia Abu Dhabi 2024," katanya.

Steven Sim berkata, pencapaian peserta dari negara ini adalah amat membanggakan kerana berjaya meraih lima pingat untuk negara.

"Secara individu, seramai tiga peserta mencapai kedudukan 10 terbaik dunia iaitu peserta dalam bidang Beauty Therapy (tempat ke-3), Electrical Installation (tempat ke-9) dan Bricklaying (tempat ke-10).

"Berdasarkan merit pungutan pingat pula, secara keseluruhan Malaysia menamatkan cabaran WSC Lyon 2024 di tempat ke-32 berbanding 69 negara yang bertanding.

"Pada saya, ia suatu pencapaian yang membanggakan kerana Malaysia berjaya mengatasi negara maju seperti Sweden, Sepanyol dan New Zealand," katanya.

REAKSI

“ Saya mengucapkan terima kepada jurulatih yang banyak memberi tunjuk ajar hingga saya boleh berjaya di peringkat antarabangsa.”



- Wong Hsun Wei, 21, bidang terapi kecantikan, pingat gangsa WSC

“ Pengalaman berharga untuk saya teruskan menimba ilmu hingga ke Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 3.”



- Muhammad Hakimi Abu Bakar, 20, bidang elektrik, Medallion for Excellence

“ Terima kasih kepada cikgu dan pakar kerana membantu saya hingga ke peringkat dunia. Saya bercadang untuk buka kedai selepas benar-benar bersedia nanti.”



- Muhammad Nasran Ahmad, 22, bidang dandan rambut

“ Bidang ini memerlukan perancangan teliti dan saya harap satu hari nanti saya dapat menghasilkan perisian komputer yang dapat memudahkan rakyat di negara ini.”



- Stephen Sim, 22, bidang perisian teknologi maklumat untuk perniagaan

“ Selepas ini saya akan bekerja di United Kingdom untuk memimba pengalaman dalam bidang ini.”



- Ahmad Muizzuddin Mohd Razi, 22, bidang susunan batu bata

Steven Sim (tengah) bergambar bersama semua peserta pada Majlis Penghargaan Wira Negara World Skills Competition (WSC) Lyon 2024 di MITEC pada Isnin.



PERKESO jamin perlindungan sosial



PERSPEKTIF

SUHAIMI ABD SAMAD

Ogos lalu, saya berpeluang menghadiri ISSA Technical Seminar 2024, anjuran salah sebuah badan antarabangsa iaitu International Social Security Association yang memperjuangkan isu serta menggalakkan kecemerlangan dalam pentadbiran keselamatan sosial di seluruh dunia.

Seminar selama dua hari tersebut dianjurkan dengan kerjasama Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) bagi membincangkan perkembangan semasa perlindungan sosial dunia. Tema pada kali ini berkenaan keselamatan sosial bagi pekerja sendiri dan pekerja platform. Kesempatan dan peluang yang diperoleh menerusi sesi perkongsian oleh pakar-pakar keselamatan sosial dalam dan luar negara telah membuka mata saya dan seterusnya mengagumi perjuangan PERKESO kepada negara.

Menelusuri latar belakang PERKESO, ia adalah sebuah organisasi di bawah Kementerian Sumber Manusia memainkan peranan penting dalam menjamin perlindungan sosial di Malaysia. Sejak penubuhannya pada tahun 1971, PERKESO menjadi tonggak utama dalam memastikan kebajikan dan keselamatan pekerja serta keluarga mereka di negara ini terpelihara melalui pelbagai skim insurans sosial yang ditawarkan.

Sehingga 2022, lebih 9.07 juta pekerja aktif di Malaysia berdaftar dengan PERKESO. Dalam konteks ekonomi yang semakin mencabar, PERKESO bukan sahaja melindungi golongan pekerja daripada risiko kemalangan dan penyakit pekerjaan, tetapi juga menyediakan jaringan keselamatan yang kukuh bagi menghadapi cabaran sosial dan ekonomi masa hadapan.

Dalam usaha membina negara yang lebih mampan dan inklusif, PERKESO telah memainkan peranan yang sangat signifikan dalam pembangunan perlindungan sosial negara. Antara inisiatif progresif dilaksanakan adalah menerusi perlindungan kepada sektor-sektor informal dan golongan rentan bagi menyokong pembangunan sosial dan ek-

nomi negara.

Sehingga kini, beberapa program telah dilaksanakan oleh PERKESO. Antara yang paling signifikan adalah Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) yang menyediakan perlindungan kepada pekerja sektor gig dan pekerja sendiri yang diperkenalkan pada tahun 2017. Sehingga kini, seramai 423,256 pekerja sektor tidak formal telah berdaftar dengan PERKESO.

Inisiatif ini diteruskan dengan memperkenalkan perlindungan kepada pekerja domestik dan suri rumah iaitu Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah (SKSSR) pada tahun 2022. Hak-hak pekerja juga sentiasa menjadi perhatian utama negara.

Pada tahun 2018, Skim Insurans Pekerjaan pula diperkenalkan bagi membela pekerja sektor formal yang kehilangan pekerjaan, sehinggalah mereka mendapat pekerjaan baharu. Malaysia menerusi PERKESO telah kembali memberikan perlindungan kepada pekerja asing menerusi Skim Pampasan Pekerja Asing pada tahun berikutnya (2019). Kesemua inisiatif ini sejajar Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) bagi mencapai inklusif sosial.

Mungkin terdapat pandangan bahawa, caruman ini akan merugikan bagi mereka yang tidak pernah mendapat manfaat secara langsung daripada PERKESO, namun perlu difahami, ia menandakan bahawa mereka beruntung kerana tidak terlibat dalam sebarang bencana pekerjaan dan keilatan. Bersyukurlah. Bahkan caruman atau sumbangan mereka tersebut sebenarnya adalah amal kebajikan diuruskan dan disampaikan oleh PERKESO kepada ahli lain yang diuji dugaan.

Secara keseluruhannya, PERKESO bukan sekadar sebuah institusi yang menguruskan skim perlindungan sosial. Ia adalah satu mekanisme yang mengukuhkan asas-asas sosial, memastikan tiada individu terpinggir dalam arus pembangunan serta mewujudkan masyarakat lebih sejahtera dan lestari. Caruman sosial dibuat pekerja dan majikan harus dilihat bukan sahaja sebagai satu tanggungjawab, tetapi juga sebagai satu pelaburan dalam membina masa depan Malaysia lebih adil dan inklusif.

* Dr Suhaimi Abd Samad ialah Pensyarah Kanan
Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi,
UiTM Seremban

16 peratus peranan kerja sektor kewangan terima impak AI

Terdapat jawatan tertentu akan digabungkan, digantikan dengan teknologi

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
nooratiqah.sulaiman@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kementerian Sumber Manusia (KESUMA) mendedahkan 16 peratus daripada 97 peranan kerja dalam sektor kewangan menerima impak yang penting dalam revolusi kecerdasan buatan (AI)

Menteri Sumber Manusia, Steven Sim, berkata selain itu terdapat jawatan atau peranan tertentu akan mengalami penggabungan atau digantikan dengan teknologi.

"Ia termasuk pegawai khidmat pelanggan, penasihat pela-



Steven (tiga dari kiri) merasmikan NHCCE 2024 di Kuala Lumpur, semalam.

(Foto Asyraf Hamzah/BH)

buran dan analisis pelaksanaan, ejen jualan langsung, pegawai jualan produk, pengurus pembangunan perniagaan, pegawai kredit dan pinjaman, serta pegawai operasi pelaburan.

"Selain itu, terdapat sembilan peratus peranan baharu akan diwujudkan, ia adalah peranan yang belum dapat dilihat dalam sektor ini tetapi akan menjadi lebih menonjol pada

masa akan datang.

"Ia termasuk pakar pembelajaran mesin, arkitek integrasi, jurutera awan (cloud engineer), penganalisis transformasi digital dan penerimaan, penasihat

kerjasama komuniti dan pegawai kelestarian," katanya dalam ucapan sempena Pameran Modal Insan Kebangsaan (NHCCE) 2024, semalam.

Laporan akan dikeluarkan

Steven berkata, laporan yang dinyatakan itu berdasarkan data didorong pihak industri serta bercadang untuk mengeluarkan laporan impak itu pada masa terdekat

"Dari situ, KESUMA akan merangka dasar kemahiran kami untuk memastikan strategi latihan menangani jurang sebenar dalam dunia nyata dan bukannya sekadar andaian daripada pemikiran ahli politik.

"KESUMA juga akan bekerjasama dengan kementerian berkaitan termasuk melalui Majlis Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) Kebangsaan dalam memastikan pendidikan dan latihan kemahiran direka bentuk bagi memenuhi keperluan dunia sebenar," katanya.

Forum

Atasi masalah kesihatan mental di tempat kerja

KESIHATAN mental di tempat kerja semakin mendapat perhatian di seluruh dunia, termasuk Malaysia. Di bawah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (AKKP 1994), majikan bertanggungjawab memastikan keselamatan, kesihatan dan kebajikan pekerja termasuk kesihatan mental.

Tekanan di tempat kerja adalah salah satu punca utama masalah kesihatan mental. Beban kerja berlebihan, ketidakpastian tentang masa depan pekerjaan dan konflik di tempat kerja semuanya menyumbang tekanan yang boleh membawa kepada keletihan melampau.

Di bawah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (AKKP), tekanan kronik disebabkan persekitaran kerja boleh dianggap penyakit pekerjaan kerana boleh menyebabkan masalah kesihatan mental yang serius. Majikan perlu mengambil langkah-langkah proaktif untuk mengurangkan tekanan ini bagi mengelakkan penyakit pekerjaan berkaitan mental daripada berlaku.

AKKP mewajibkan majikan untuk menyediakan persekitaran kerja yang selamat dan sihat serta merangkumi kesihatan mental. Majikan perlu menyediakan sokongan yang mencukupi seperti program bantuan pekerja, khidmat kaunseling atau kursus pengurusan tekanan.

Selain itu, dasar-dasar yang jelas mengenai kesihatan mental dan keseimbangan kerja-hidup perlu diterapkan di tempat kerja. Dengan memberi perhatian kepada kesihatan mental, majikan boleh mengelakkan liabiliti undang-undang dan memenuhi tanggungjawab di bawah AKKP.

Buli adalah satu lagi faktor menyumbang kepada masalah ini. Buli boleh berlaku dalam pelbagai bentuk, termasuk gangguan verbal, pengasingan sosial atau tekanan yang berlebihan dari majikan atau rakan sekerja. Di bawah AKKP, majikan bertanggungjawab untuk memastikan tempat kerja bebas daripada tingkah laku yang boleh menjejaskan kesejahteraan mental pekerja. Buli bukan sahaja memberi kesan langsung terhadap mangsa tetapi juga mencemarkan budaya kerja dan menurunkan moral dalam organisasi.


Sokongan dari rakan sekerja dan budaya kerja yang mesra boleh memainkan peranan penting dalam mengurangkan tekanan.

Sistem mentor atau program sokongan sosial boleh membantu pekerja yang menghadapi cabaran kerjaya atau tekanan peribadi. Dengan menyediakan saluran yang selamat untuk pekerja meluahkan perasaan mereka, majikan bukan sahaja mematuhi keperluan undang-undang tetapi juga mewujudkan suasana kerja yang lebih harmoni.

Secara keseluruhannya, kesihatan mental di tempat kerja merupakan satu isu yang berkait rapat dengan penyakit pekerjaan di bawah AKKP 1994. Majikan perlu memberi perhatian kepada aspek ini dan mengambil langkah proaktif untuk melindungi kesihatan mental pekerja.

AZIZUL AZUDIN AZIZUL RAHMAN

Pengurus Kanan,
Jabatan Keselamatan dan
Kesihatan Pekerjaan,
Kumpulan Interflour



MAJIKAN diwajibkan menyediakan persekitaran kerja yang selamat dan sihat yang merangkumi kesihatan mental. - GAMBAR HIASAN

AI already transforming jobs today

Its advent is poised to have varying impacts in different sectors, says Sim

By KHOO GEK SAN
gekstan@thestar.com.my

KUALA LUMPUR: Approximately 16% of the 97 job roles in the financial sector are expected to be significantly transformed by the advent of artificial intelligence (AI), says Human Resources Minister Steven Sim.

“We are looking at roles such as customer service officers, investment advisory and execution analysts, direct sales agents, product sales officers, relationship managers, business development managers, credit and lending officers, investment operations as well as security service officers.

“Three quarters (75%) of roles will experience medium to low impact, while about 9% will be emerging roles, which are not commonly seen in the sector currently but will gain prominence soon.

“These emerging roles include machine learning specialists, integration architects, cloud engineers, digital transformation and adoption analysts, community partnership advisers, and sustainability and employee well-being officers,” he said during his speech at the launch of the National Human Capital Conference and Exhibition (NHCC) 2024 held by the Human Resource Development Corporation (HRD Corp) here yesterday.

According to Sim, in the ICT sector, 8% of current roles will be highly impacted, including security operation analysts, data ana-



On the ground: (From left) Abdul Rahman, Sim, Lee Boon Cheng, Wong Hsun Wei, Wong Kim Hooi, Leow Chew Yean and Azman at the Majlis Penghargaan Wira Negara WSC Lyon 2024. — RAJA FAISAL HISHAN/The Star

lysts, application support engineers, data centre infrastructure engineers, network engineers, IT auditors and cyber risk analysts.

“Emerging skills in this sector include emerging technology synthesis, automation management, test planning, IT strategy and solution architecture,” he added.

Sim also highlighted the use of AI technology in providing recommendations for grant applications and claims submitted by employers or training providers based on preset logic and criteria.

“AI will analyse the provided information and documents, and suggest whether the application should be approved or rejected, or if additional information is required,” he explained.

Sim shared an example of the

benefit of using AI, stating that it had helped reduce the grant application processing time at HRD Corp from 154 hours in 2022 (with 239,776 applications processed) to 19 hours in 2023 (with 359,170 applications processed).

“Another example is in the Social Security Organisation (Socso), where we issue guarantee letters (GLs) to our contributors, provided for free for those needing implants for rehabilitation.

“Normally, it takes three days to issue a GL. Today, we are using AI to speed up the process of verifying the eligibility of contributors within one hour,” he added.

NHCC 2024, held from Sept 30 to Oct 2, is the flagship annual conference organised by the HRD Corp, an agency under the Human

Resources Ministry dedicated to national human capital development through upskilling and reskilling.

This year’s theme is Humanising AI for the Future Workforce, focusing on how HR practitioners can leverage AI for future workforce strategies.

The conference will feature over 4,000 global delegates and more than 30 speakers, including international figures like Mehdi Hasan, Shawn Kanungo and John Mattone, as well as local figures such as Venon Tian, co-founder and COO of Zus Coffee, and Pei Si Lai, CEO of GXBank.

NHCC 2024 will include panel discussions, interactive sessions and networking opportunities to foster global exchange.

Additionally, it will host one of the largest exhibition areas in the region, with over 300 exhibitors showcasing the latest in upskilling, wellness platforms and technology.

Sim also attended an appreciation ceremony for Malaysian champions at the recent WorldSkills Competition (WSC) Lyon 2024, where Malaysia’s contingent featured 15 participants who returned home with a bronze medal in beauty therapy, and four medals for excellence in electrical installations, bricklaying, IT software solutions for business and hairdressing.

Wong Hsun Wei, a student from Sense Perfect International College, won the bronze medal in beauty therapy and was also named “Best of Nation”.

Sim presented the medals, mock cheques and certificates to the winners and encouraged all parties to strive for excellence.

The competition featured 1,400 skilled youths from 69 countries competing in 62 skill areas.

Malaysia placed 32nd overall, surpassing several advanced countries, an achievement highlighting the competency and quality of Malaysia’s technical and vocational education and training (TVET).

Also present were Deputy Human Resources Minister Datuk Seri Abdul Rahman Mohamad, ministry secretary-general Datuk Azman Mohd Yusof and HRD Corp chairman Datuk Abu Huraira Abu Yazid.